



Ruj. Kami: KPM.500-3/3/14 Jld. (63)

Tarikh: 23 November 2021

Semua Ketua Bahagian/Jabatan
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI KAUNSELING GRED DG44/DG48
KHAS UNTUK JAWATAN (KUJ) DI KOLEJ MATRIKULASI, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan Pegawai Kaunseling Gred DG44/DG48 Khas Untuk Jawatan (KUJ) di kolej matrikulasi, KPM. Maklumat kekosongan adalah seperti berikut:

BIL	KOLEJ MATRIKULASI	BILANGAN KEKOSONGAN
1	KM Melaka	1
2	KM Labuan	3
3	KM Pulau Pinang	2
4	KM Negeri Sembilan	1
5	KM Perlis	3
6	KM Johor	1
7	KM Perak	2
8	KM Kedah	2
9	KM Pahang	2
10	KM Kejuruteraan Pahang	1
11	KM Selangor	2

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan, adalah dimohon agar dapat menghebahkan dan memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan yang layak dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut. Bersama-sama ini disertakan maklumat terperinci mengenai kekosongan jawatan berkaitan:

(sila nyatakan No. Rujukan Bahagian ini apabila berhubung)



- i. Iklan kekosongan jawatan (**Lampiran A**); dan
- ii. Borang Permohonan (**Lampiran B**).

4. Pegawai yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar **sebelum atau pada 31 Disember 2021 (Jumaat)** ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p. Unit Perkhidmatan, Saraan dan Perjawatan)

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti di bawah:

- | | |
|--|----------------|
| i. Cik Nurzayani binti Yusup | : 03-8884 4060 |
| ii. Cik Nurul Hidayah binti Mohd Suhaimi | : 03-8884 4081 |
| iii. Puan Noor Asyikin binti Seffene | : 03-8884 4067 |

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. HAJAH ROSNARIZAH BINTI ABDUL HALIM)
Pengarah



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI KAUNSELING
KOLEJ MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. JAWATAN KOSONG

- 1.1. **Jawatan** : **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Gred DG44/DG48 (KUJ)
Kolej Matrikulasi**
- 1.2. **Kementerian** : **Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 1.3. **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pengurusan dan Profesional**
- 1.4. **Klasifikasi Perkhidmatan** : **Pendidikan/ Perkhidmatan Sosial**

2. SYARAT-SYARAT UMUM

- 2.1. PPP Gred DG44/ DG48 (KUP) yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan **dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)**;
- 2.2. Markah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT/PBPPP) sekurang-kurangnya 85 % bagi tahun 2018, 2019 dan 2020;
- 2.3. Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 2.4. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun;
- 2.5. Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan institusi/ tabung pendidikan; dan

3. SYARAT-SYARAT KHUSUS

- 3.1. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan/ Bachelor Pendidikan/ Ijazah Sarjana dalam bidang Kaunseling dan Psikologi** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3.2. Mempunyai pengalaman dan kemahiran yang sesuai dengan bidang tugas kaunseling serta pengurusan;
- 3.3. Berdaftar dan mendapat Sijil Perakuan Amalan daripada Lembaga Kaunselor Malaysia (KBPA);

Lampiran A

- 3.4. Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik;
- 3.5. Sedia berkhidmat di kolej matrikulasi yang ditawarkan **sekurang-kurangnya 3 tahun**; dan
- 3.6. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. CARA MEMOHON

- 4.1. Pemohon hendaklah melengkapkan maklumat yang diperlukan seperti di Lampiran A.
- 4.2. Mencetak maklumat permohonan **secara depan belakang**, mengepilkan maklumat berdasarkan senarai semak dan mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan bagi tujuan sokongan.
- 4.3. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan tidak akan dipertimbangkan.
- 4.4. Mengemukakan borang permohonan dan dokumen sokongan ke alamat berikut selewat-lewatnya **sebelum atau pada 31 Disember 2021 (Jumaat)** ke alamat seperti berikut:

**Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Perkhidmatan, Saraan dan Perjawatan)**

5. LAIN –LAIN

- 5.1. Calon yang layak dan sesuai akan dipanggil untuk temuduga selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh tutup iklan ini;
- 5.2. Segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga adalah di bawah tanggungan calon sendiri; dan
- 5.3. Sekiranya tiada sebarang jawapan diterima daripada urus setia dalam masa **12 bulan dari tarikh tutup permohonan**, permohonan ini adalah dianggap **tidak berjaya**. Keputusan adalah muktamad dan **sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan**.

*tertakluk kepada penyata perjawatan yang sedang berkuat kuasa